


### Ilustrasi Manfaat Pelan Takaful Smart Income

Adam, berumur 40 tahun, berkahwin dan mempunyai anak. Beliau berhasrat untuk bersara pada umur 55 tahun dan bercita-cita untuk mencapai pendapatan tahunan tambahan sebanyak RM50,000 selepas bersara. Pada masa ini, beliau mempunyai jumlah aset sebanyak RM3,000,000 dan mendaftar pelan takaful Smart Income. Beliau memilih tempoh pembayaran selama 5 tahun dengan Bayaran Tunai Tahunan sebanyak RM50,000 dan jumlah yang dilindungi ialah RM150,000.




Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh sijil, orang tersayang Adam akan menerima bayaran sekaligus sebanyak **RM150,000** (3 kali ganda bayaran tunai tahunan permulaan) + **amaun dalam Dana Pelaburan Peserta**

**Ringkasan jumlah bayaran:**  
(RM50,000 x 10 tahun) + (RM60,000 x 11 tahun) + Bayaran Matang RM172,500 + Amaun dalam Dana Pelaburan Peserta  
**Pulangan tahunan untuk manfaat yang dijamin = 2.66%**

#### Nota:

- Senario di atas adalah untuk kes Penerimaan Dijamin.
- Senario ini tertakluk kepada umur Peserta pada hari lahir berikutnya.
- Orang yang dilindungi boleh memilih untuk menerima Bayaran Tunai Tahunan bermula dari akhir tahun sijil umur 54 atau 59 tahun.
- Sumbangan yang anda bayar menyumbang kepada elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya Manfaat Kematian. Sekiranya anda mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan produk ini dengan pulangan efektif alternatif pelaburan lain.
- Tertakluk kepada terma dan syarat.

# NIKMATI PERSARAAN IMPIAN



Diunderait oleh:  
**eTiqa**  
Takaful Keluarga



**Maybank**  
Islamic

**Maybank**

Smart Income adalah pelan takaful yang membolehkan anda mencapai kebebasan kewangan dengan menyediakan aliran tunai yang dijamin dan tahap perlindungan yang mencukupi.

## Mengapa memilih pelan ini?



Memperkukuhkan kekayaan untuk **persaraan impian anda**



Menyediakan sokongan dan **jaminan kewangan** untuk anda dan orang tersayang



Memperuntukkan dana yang mencukupi untuk **perbelanjaan yang tidak dijangka** dan **tidak dirancang**



Mengurangkan kesan terhadap **situasi kewangan yang tidak dijangka**

## Manfaat Utama



### Bayaran Tunai Tahunan

Jumlah Bayaran Tunai Tahunan meningkat sebanyak 20% daripada jumlah permulaan bermula dari tahun ke-11 sehingga umur 75 atau 85 tahun.



### Tempoh Sumbangan yang Singkat

Fleksibiliti untuk memilih tempoh bayaran sumbangan pilihan anda sama ada 5 atau 10 tahun.



### Manfaat Matang

Nikmati 115% daripada jumlah yang dilindungi dan amaun dalam Dana Pelaburan Peserta.



### Penerimaan Dijamin

Sehingga RM66,000 Bayaran Tunai Tahunan permulaan.



### Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

#### Di Malaysia, Singapura dan Brunei:

Tambahan 100% daripada jumlah yang dilindungi di atas Manfaat Kematian yang boleh dibayar.

#### Luar Negara (di luar Malaysia, Singapura dan Brunei):

Tambahan 200%\* daripada jumlah yang dilindungi di atas Manfaat Kematian yang boleh dibayar.



### Manfaat Kematian

Dapatkan bayaran sekaligus sebanyak 3 kali ganda Bayaran Tunai Tahunan permulaan dan amaun Dana Pelaburan Peserta.

### Nota:

\*hanya melindungi sehingga 60 hari berturut-turut bagi setiap perjalanan ke luar negara. Sekiranya kemalangan berlaku pada hari ke-61 atau seterusnya semasa berada di luar negara, tambahan 100% dan bukannya 200% jumlah yang dilindungi akan dibayar.

## Hubungi Wakil Pemasaran Kami Sekarang!

Hubungi **1300 88 6688**, kunjungi cawangan Maybank atau layari **www.maybank2u.com.my** untuk maklumat lanjut, terma-terma dan syarat-syarat.

### Sila baca Helaian Pendedahan Produk sebelum mengambil pelan ini.

Pelan ini diunderait oleh Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqa Family Takaful Berhad beralamat di Dataran Maybank, No.1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad dan ibu pejabat beralamat di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.